

ULASAN PEMETAAN TENTANG TREND KREATIVITI SAINTIFIK BERASASKAN PERSPEKTIF ISLAM BERDASARKAN PLATFORM SCOPUS DARI TAHUN 1416H HINGGA 1446H

*Mapping Review Regarding The Trends of Scientific Creativity Islamic-Based
Perspective Based on Scopus Database From The Year 1416H To 1446H*

*Shahrul Nizam Ishak¹, Shaik Abdullah Hassan Mydin¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding author's email: snizam@student.usm.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
22-Mar-2025	27-Mar-2025	30-Jun-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Mutakhir ini penumpuan khusus diberikan pada kreativiti saintifik lazim yang bertitik tolak daripada aspek kreativiti secara umum. Namun, kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam tidak mendapat perhatian yang baik. Maka, bagi memahami senario tersebut, kajian ini bermatlamat untuk meneroka trend berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam menggunakan pendekatan ulasan pemetaan berdasarkan carian platform data Scopus dari awal tahun 1416H hingga akhir tahun 1446H bersamaan pertengahan tahun 1995M hingga pertengahan tahun 2025M. Penumpuan bersasar diberikan kepada aspek berkenaan jurnal paling banyak lakukan penerbitan, artikel tertinggi disitasi, negara penerbit teratas, pengarang prolifik, kata kunci popular dan tema utama. Penuntasan kajian dijalankan bermula dengan penemuan awal sebanyak 26 artikel. Kemudian, setelah pengecualian terhadap kriteria carian dilakukan, hanya 21 artikel yang layak untuk dianalisis secara mendalam. Perisian VOSviewer diadaptasi bagi membantu penganalisan data tersebut. Hasil kajian ini mendedahkan tema utama dalam kreativiti saintifik berteraskan Islam menerusi penerokaan berhubung trend penyelidikan yang telah dilaksanakan menerusi pembentangan melalui jadual, rajah dan juga graf. Oleh itu, pemaparan dapatan ini diharap kajian ini mampu menjadi salah satu nilai tambah yang berguna dalam menyediakan rujukan kepada penyelidik yang berminat dan berniat untuk menjalankan penyelidikan serta berupaya menggali potensi baharu bagi menongkah hala tuju perkembangan penyelidikan berkaitannya pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kreativiti Saintifik Berasaskan Islam, Ulasan Pemetaan, Scopus, VOSviewer.

Abstract

Recently, special focus has been given to scientific creativity as a general aspect of creativity. However, Islamic-based perspective on scientific creativity has not received good attention. Therefore, to understand the scenario, this study aims to explore trends related to Islamic-based perspective on scientific creativity using a mapping review approach which use Scopus search platform data from the beginning of 1416H to the end of 1446H along with mid-1995M to mid-2025M. Thus, in this paper priority is given to aspects related to the most published journals, highest cited articles, top publishing countries, prolific authors, popular keywords and main themes. The research was conducted starting with an initial discovery of 26 articles. Then, after exclusions from the search criteria were made, only 21 articles were eligible for in-depth analysis. VOSviewer software was adapted to assist in the analysis of the data. The results of this study revealed the main themes

in Islamic-based scientific creativity through exploration of research trends that have been carried out through presentations via tables, diagrams and graphs. Therefore, the presentation of these findings is hoped that this study can be one of the useful added values in providing views to researchers who are interested and intend to conduct research and are able to explore new potential direction of related research developments in the future.

Keywords: *Islamic-based Scientific Creativity, Mapping Review, Scopus, VOSviewer.*

1.0 PENDAHULUAN

Pada masa kini, bertitik tolak daripada kreativiti secara umum telah diberi penekanan serius sebagai kemahiran kognitif yang sangat diperlukan dalam pelbagai bidang yang menjadi teras keperluan terhadap sesuatu pekerjaan (Ohly, 2018) terutamanya dalam membantu meningkatkan ekonomi sama ada bagi sesebuah syarikat mahupun negara. Seterusnya, kreativiti saintifik pula memainkan peranan sebagai kemahiran penting untuk menghasilkan inovasi, menangani isu sedia ada dan mentafsir fenomena saintifik tertentu (Acut et al., 2024). Senario tersebut dilihat benar apabila dinilai menerusi penyenaian kriteria kreativiti termasuk subsetnya iaitu kreativiti saintifik yang masih berada di kedudukan tangga antara satu hingga empat teratas dalam senarai utama kemahiran yang sangat diperlukan pada masa sekarang dari tahun 2020 hingga 2025 dalam perkongsian data laporan secara bekala yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Sedunia atau lebih dikenali sebagai World Economic Forum (The Future of Jobs Report, 2025:33; The Future of Jobs Report, 2023:38; The Future of Jobs Report, 2020:35).

Namun, bicarawara dan kupasan secara jelas berkenaan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam masih belum terisi dengan baik lagi. Hal tersebut disebabkan kajian berteraskan Islam menurut Salleh (2003) adalah bertunjangkan kepada prinsip-prinsip yang berbeza dengan kajian lazim misalnya daripada aspek tasawwur, epistemologi, rangka gerak kerja, perkaedahan dan juga matlamat akhir sesuatu kajian itu dilaksanakan. Oleh demikian, makalah ini melihat usaha untuk meneroka dan memahami trend berkaitan topik kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam adalah wajar yang juga merupakan tujuan utama makalah ini. Walaupun istilah kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam masih baharu, namun pemaknaan rintisnya dapat difahami bahawa perihal kebolehpayaan berfikir sistemik berteraskan nukleus syairat dan minhaj Islam (al-Qur'an, 5:48) dalam melaksanakan sesuatu perkara. Maka, penuntasan kajian ini adalah menggunakan data penerbitan pengkalan data Scopus bagi melakukan tinjauan sorotan kajian terdahulu.

Oleh itu, penelitian dan penekanan terhadap persoalan-persoalan berikut diperlukan bagi mencapai matlamat kajian yang telah dinyatakan tersebut iaitu,

- a) Jurnal manakah yang paling banyak menerbitkan penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?
- b) Artikel manakah yang merupakan tiga teratas paling kerap disitasi dalam penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?
- c) Negara manakah yang merupakan penerbit tiga teratas terbaik terhadap penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?
- d) Siapakah pengarang prolifik yang paling banyak menerbitkan artikel berhubung penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?
- e) Apakah kata kunci popular berhubung penyelidikan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?

- f) Apakah tema utama perbincangan berkenaan penyelidikan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam?

Selanjutnya, kajian ini meninjau artikel-artikel daripada platform data Scopus dari awal tahun 1416H hingga akhir tahun 1446H yang bersamaan dengan pertengahan tahun 1995M hingga pertengahan tahun 2025 dengan mengadaptasikan ulasan pemetaan dalam menghuraikan tujuan utama yang telah dinyatakan sebelum ini. Kitaran selama 30 tahun dipilih disebabkan tiga puluh tahun data adalah penting untuk memahami arah aliran dan corak jangka panjang kerana ia memberikan pandangan yang lebih stabil dan juga mewakili bahagian daripada jangka masa yang lebih pendek. Hujah ini selari dengan Craig et al. (2004) yang menyatakan bahawa untuk membangunkan dan menguji keberkesanan sesuatu sistem berkaitan kesihatan misalnya di kawasan KwaZulu-Natal, Afrika Selatan, 30 tahun data kes malaria yang disahkan diperlukan dan memberikan peluang unik untuk mengkaji trend jangka pendek dan panjang berkaitannya. Tambahan itu, kajian terhadap pola kajian hari kiamat juga bersandarkan sorotan literatur selama 30 tahun iaitu dari 1998M hingga 2018M (Mohd Nathir et al., 2020).

Dalam pada itu, pemilihan berasaskan taqwim Qamari digunapakai dan ditonjolkan dalam makalah ini kerana penggunaannya ditekankan dalam al-Qur'an (18:25). Ayat tersebut menerangkan tentang penerapan taqwim Syamsi dan taqwim Qamari agar menjadi irsyad (bimbingan) untuk diteladani khususnya terhadap jiwa yang miliki iman dan kepercayaan serta berpegang dengan al-kitab al-karim. Contoh formula kiraan berasaskan ayat tersebut disebutkan di sini. 300 tahun hitungan syamsiyyah dan ditambah lagi 9 tahun adalah bersamaan dengan 309 tahun dengan hitungan qamariyyah [300 + 9 = 309]. Justeru, bagi memahami dengan lebih jelas lagi berkaitan perincian hubungan penukaran dan juga penentuan hitungan qamari dan syamsi diterangkan ringkasannya di sini dalam bentuk formula kiraan seperti berikut:

$$1446 = 1446 \times 0.9699 + 622 = 2024.48$$

dengan rujukan iaitu

- a) 1446 ialah tahun qamari,
- b) 0.9699 ialah hasil bahagi antara tahun qamari (354 hari dalam setahun) dan syamsi (365 hari dalam setahun),
- c) 622 ialah tahun permulaan tarikh hijrah Rasulullah ﷺ.

Maka, berdasarkan jawapan 2024.48 tersebut dapat difahami bahawa bermulanya awal tahun 1446H adalah pada pertengahan tahun 2024M dan berakhirnya hujung tahun 1446H adalah pada pertengahan tahun 2025M. Oleh itu, secara spesifiknya pengumpulan data dalam kajian ini berakhir pada hujung tahun 1446H (spesifiknya ialah pada 29 Zulhijah 1446) mengikut kiraan tahun qamari yang bersamaan dengan pertengahan tahun 2025M (spesifiknya ialah pada 26 Jun 2025) mengikut kiraan tahun syamsi.

Oleh itu, terdapat dua objektif secara khusus yang memandu proses kajian ini dijalankan. Pertama, mengenal pasti trend penyelidikan berhubung kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Kedua, meneliti tema utama dalam perbincangan mengenai kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Akhirnya, diharap kajian ini mampu menjadi salah satu nilai tambah yang berguna dalam menyediakan rujukan kepada penyelidik yang berminat dan berniat untuk menjalankan penyelidikan serta berupaya menggali potensi baharu bagi menongkah hala tuju perkembangan penyelidikan berkaitannya pada masa akan datang, InsyaAllah.


2.0 SOROTAN KAJIAN

Tinjauan mendapati terdapat tiga buah makalah yang telah menjalankan penyelidikan secara khusus dalam membincangkan berkaitan kreativiti saintifik lazim yang merupakan akas kepada kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam berdasarkan pendekatan ulasan gambaran ringkas (Stumpf, 1995), ulasan tinjauan literatur (Wiyanto et al., 2020) dan juga ulasan bibliometrik (Prahani et al., 2024). Rajah 1 menunjukkan sela masa antara ketiga-tiga penulisan makalah tersebut.



Rajah 1 Sela Masa Penyelidikan Kreativiti Sainifik Lazim secara Tinjauan Khusus

Pertama, penelusuran mengenai kreativiti saintifik dengan menggunakan pendekatan tinjauan ringkas telah dilakukan oleh Stumpf pada tahun 1995M/1416H. Kedua, setelah lima tahun berikutnya, sekali lagi kupasan mengenai kreativiti saintifik dilakukan namun dengan menggunakan pendekatan yang berbeza iaitu tinjauan literatur oleh Wiyanto et al. pada tahun 2020M/1441H. Ketiga, ulangan mengenai kreativiti saintifik dilakukan lagi dalam bentuk pemetaan yang lebih rinci dengan menggunakan pendekatan tinjauan bibliometrik daripada tahun 2000 hingga 2024 oleh Prahani et al. pada tahun 2024M/1446H. Kesimpulannya, walaupun ketiga-tiga makalah tersebut mempunyai persamaan berkaitan skop topik kajian yang dilakukan iaitu tentang kreativiti saintifik lazim, namun pendekatan yang digunakan adalah berbeza. Walau bagaimanapun, kesemua pendekatan tersebut tidak menepati prinsip nukleus Islam. Di samping itu, kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dilihat lebih lewat perhatian terhadapnya diberikan dalam kalangan penyelidik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Perbandingan Garis Masa Kewujudan Data Penerbitan antara Kreativiti Sainifik Berteraskan Islam dan Kreativiti Sainifik Lazim

Hal itu berlaku walaupun sela masa yang ditetapkan dalam kajian ini ialah 30 tahun, namun hasil carian menerusi platform Scopus mendapati bahawa tiada data penerbitan yang ditemui sebelum tahun 2007M/1428H. Penggunaan format penulisan mendahulukan tarikh syamsiyyah dan kemudian diikuti oleh tarikh qamariyyah pada sepanjang penulisan makalah ini adalah berdasarkan pedoman panduan al-Qur'an yang menyebutkan perihal tersebut (al-Qur'an, 18:25).

Sesungguhnya, perkara tersebut menjelaskan bahawa penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam lambat mendapat perhatian berbanding kreativiti saintifik lazim yang lebih dahulu dan meluas liputan kajian mengenainya dijalankan oleh para penyelidik sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan.

Seterusnya, ehwal mendapat liputan meluas mengenainya dalam kalangan para penyelidik di peringkat antarabangsa turut menarik perhatian di sini. Liputan meluas tersebut boleh dilihat menerusi penerbitan penyelidikan yang telah dijalankan dan ditunjukkan secara perbandingan antara kreativiti saintifik lazim dan akasnya berdasarkan sorotan terdahulu dalam Jadual 1. Jadual 1 menerangkan tentang majoriti pengkaji iaitu sebanyak 70% memberikan tumpuan pada penyelidikan dan penulisan berkaitan kreativiti saintifik lazim. Namun demikian, fokus kajian terhadap kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dilihat tidak diabaikan sepenuhnya oleh sebahagian penyelidik antarabangsa tersebut. Sungguhpun begitu, penelitian khusus bagi kajian berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam menunjukkan sangat kurang dititikberatkan penekanannya dalam kalangan para pengkaji tersebut. Maka, boleh dirumuskan bahawa kecenderungan minat para pengkaji khususnya penyelidik antarabangsa dalam kebanyakan penulisan mereka lebih tertumpu dan meluas liputan perhatian diberikan pada kreativiti saintifik lazim berbanding akasnya.

Jadual 1 Klasifikasi Perbandingan Penyelidikan Berkaitan Antara Kreativiti Sainifik (KS) Lazim Dan Kreativiti Sainifik (KS) berasaskan perspektif Islam

Nama Penyelidik (Tahun)		Lazim	Berasaskan Islam
		KS	KS
Antarabangsa	Atakaya et al. (2024)	/	
	Bulut Ates & Aktamis (2024)	/	
	Mingazova & Gelisli (2024)		/
	Monroy (2023)	/	
	Krisiukėnienė & Pilinkienė (2023)	/	
	Amilda et al. (2023)		/
	Pichot et al. (2022)	/	
	Mislikhah (2021)		/
	Kidd (2021)	/	
	Legendre (2021)	/	

Oleh itu, dapat disimpulkan bersandarkan perbincangan sebelum ini, penekanan dan fokus oleh majoriti penyelidik tersebut dengan mengabaikan aspek berasaskan perspektif Islam pada peringkat awal sama ada dalam perbincangan terhadap penilaian kreativiti saintifik, kreativiti saintifik daripada personaliti diri saintis tersebut dan juga strategi pengajarannya merupakan satu kelompangan. Ekoran itu, jurang tersebut perlu ditangani menerusi kajian sistematik agar perkembangan pemahaman berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dapat dimajukan dengan lebih komprehensif.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Sorotan kajian terhadap penerokaan topik berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dinilai secara mendalam dalam kajian ini menggunakan pendekatan ulasan pemetaan terutamanya bagi melihat kepada perkembangan trend penyelidikannya. Tumpuan terhadap jenis ulasan ini yang semakin meningkat digunakan dalam literatur berdasarkan catatan terkini sesawang *Google Scholar*

yang merekodkan lebih daripada tiga juta petikan merujuk kepada ulasan pemetaan (Khalil & Tricco, 2022) adalah untuk memetakan dan menyatakan kategori terhadap kajian terdahulu berkenaan topik secara spesifik (O’Cathain et al., 2013) dan (Ferreira & Ferreira, 2025). Menurut Mazov et al. (2020) trend penyelidikan pula ialah tingkah laku kolektif sekumpulan penyelidik yang mula memberi perhatian kepada topik saintifik tertentu. Biasanya juga dilihat sebagai keadaan di mana minat dan keperluan masyarakat sepadan dengan penemuan saintifik kontemporari (Chen et al., 2023). Maklumat berkenaan penerbitan secara saintifik seperti judul artikel, nama pengarang, kata kunci yang digunakan dan juga sumber rujukan merupakan kriteria-kriteria asas yang perlu diberi perhatian dalam kajian ulasan pemetaan. Salah satu platform data yang sesuai bagi memperoleh butiran perkara asas tersebut ialah menerusi Scopus. Pemilihan platform data Scopus dalam kajian ini disebabkan faktor berikut:

- a) Pengelola sitasi dan pengkalan data yang terbesar dan terkenal (Amiruddin et al., 2025; Prahani et al., 2024).
- b) Hanya data berkualiti tinggi yang diindeks (Echchakoui, 2020).
- c) Menawarkan hampir 20% lebih sokongan liputan dalam pelbagai bentuk format dan juga platform berbanding *Web of Science* (WOS) (Mohamed Sa'dom & Mat Yusoff, 2023).

Seterusnya, penerangan tentang data kajian dikumpulkan dan hasil dapatannya diberikan. Proses mengekstrak data menerusi platform Scopus disempadankan kepada data 30 tahun sahaja iaitu daripada awal tahun 1416H (1 Muharram 1416H) hingga akhir tahun 1446H (29 Zulhijjah 1446) menurut hitungan tahun qamari bersamaan dengan pertengahan tahun 1995M (29 Mei 1995M) hingga pertengahan tahun 2025M (26 Jun 2025) menurut hitungan tahun syamsi yang juga bersamaan dengan julat antara 8 Jauza' hingga 4 Sarton menurut hitungan tahun buruji. Terdapat dua belas bulan dalam hitungan satu tahun buruji dengan dua pembahagian. Pertama, buruj bahagian Utara merangkumi Hamal, Thaur, Jauza', Sarton dan Sunbulah manakala kedua, buruj bahagian Selatan yang terdiri daripada Mizan, 'Aqrab, Qaws, Jadday, Dalwu dan Hut.

Sebanyak 26 dokumen sorotan terdahulu berkaitan telah ditemui pada peringkat awalnya berpandukan kata kunci secara khusus berasaskan operator Boolean yang terbentuk daripada carian sebutan rantai (string) iaitu "TITLE-ABS-KEY (Islamic AND scientific AND creativity)" seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Kata kunci dalam Bahasa Inggeris digunakan dalam carian tersebut disebabkan platform data Scopus tersebut dibina berdasarkan Bahasa Inggeris. Tambahan itu, penggunaan kata kunci yang sesuai adalah penting untuk mendapatkan bahan rujukan ketika menjalankan kajian (Zainudin et al., 2024:139). Namun, penyesuaian kepada bahasa Inggeris perlu dilakukan hanya untuk kata kunci dalam kajian ini sahaja. Ekoran perkara tersebut, perkataan 'Islamic' tersebut adalah merujuk kepada berteraskan Islam manakala kalimah lazim digugurkan atas alasan tanpa kalimah tersebut, maksud terhadap kreativiti saintifik masih tetap tidak berubah menurut konteks maknanya. Kekakangan terhadap pengalihan bahasa bagi kata kunci tersebut menjadi satu limitasi dalam penelitian kajian ini.

Jadual 2 Perbandingan antara Topik Kreativiti Sainifik Lazim dan Kreativiti Sainifik Islamik (Islamic Scientific Creativity) terhadap Penerbitan Bilangan Makalah

Kata Kunci	Bilangan Makalah	Minat Kajian
Scientific Creativity	5819	Sangat Tinggi
Islamic Scientific Creativity	26	Sangat Rendah

Kemudian, mengadaptasi daripada (Chen et al., 2023), setelah proses saringan dilakukan oleh penulis secara manual dan mengesahkan setiap artikel tersebut adalah layak untuk dijalankan kajian terhadapnya. Maka, dalam makalah ini kriteria tahun dan bahasa merupakan dua komponen yang diambil kira dalam penyempadanan terhadap saringan tersebut. Pertama, sempadan tahun tersebut ialah dari 1995M hingga 2025M. Kedua, sempadan bahasa pula hanya dihadkan kepada bahasa Inggeris (tidak memasukkan bahasa Spanish - 2 artikel, Persia - 1 artikel, Rusia - 1 artikel dan Turkey - 1 artikel). Maka, hasil dapatan sebanyak 21 dokumen diperoleh. Oleh yang demikian, secara perbandingannya antara kreativiti saintifik lazim dan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dalam Jadual 2 menunjukkan penerbitan artikel berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam adalah sangat rendah. Hal ini mengisyaratkan bahawa produktiviti dalam penghasilan artikel mengenai kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam adalah sangat kurang dalam pengkalan data Scopus. Maka, jurang perbinaan yang sangat luas antara kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dengan akasnya menimbulkan tanda tanya dan merupakan motivasi makalah ini untuk mengetahui dan memahami tentang trend berkaitannya.

4.0 HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bersandarkan hasil dapatan kajian berhubung kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam menerusi platform data Scopus yang telah disaring dan layak untuk diteruskan kupasan berhubung dengannya yang berjumlah 21 buah artikel kesemuanya itu, pendekatan ulasan pemetaan digunakan dengan melihat beberapa elemen seperti penerbitan jurnal terbanyak mengenainya, sitasi artikel terbanyak mengenainya, negara teratas dalam menyumbangkan penyelidikan mengenainya, pengarang prolific mengenainya, kata kunci popular mengenainya serta tema mengenainya bagi memahami trend berkenaannya. Alasan pemilihan artikel yang layak tersebut didasarkan kepada dua faktor. Pertama, memiliki siri nombor ISSN (International Standard Serial Numbers) yang merupakan indikasi terhadap penerbitan daripada sumber yang diiktiraf dan berautoriti. Hal tersebut berlandaskan pernyataan yang dinyatakan oleh Echchakoui (2020:167). Kedua, mensasarkan perbincangan berhubung lapangan penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berteraskan Islam sama ada dalam konteks konseptual atau penilaian mahupun aplikasi mengenainya.


4.1 Data Taburan Keseluruhan

Rajah 3 menunjukkan data taburan korelasi antara bilangan artikel (merujuk pada paksi-Y dengan maksud paksi bersandar) dan tahun penerbitan (merujuk pada paksi-X dengan maksud paksi bebas) berdasarkan carian platform Scopus daripada awal tahun 1416H (1 Muharram 1416H) hingga akhir tahun 1446H (29 Zulhijjah 1446) bersamaan dengan pertengahan tahun 1995M (29 Mei 1995M) hingga pertengahan tahun 2025M (26 Jun 2025) yang memenuhi kriteria matlamat kajian ini.

Seterusnya, secara gambaran keseluruhan berdasarkan Rajah 3 menjelaskan bahawa graf yang bukan eksponen berlaku dengan terdapat sembilan tahun yang tiada langsung penerbitan direkodkan iaitu pada tahun 2008M/1429H, 2009M/1430H, 2010M/1431H, 2013M/1434H, 2014M/1435H, 2015M/1436H, 2016M/1437H, 2018M/1439H dan 2019M/1440H. Walau bagaimanapun, bermula daripada tahun 2020M/1441H dapat dilihat pergerakan yang baik dan berterusan berlaku dan ini mengisyaratkan para penyelidik mula menjalankan kajian dengan memberi tumpuan pada topik kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Secara tirusnya, tahun 2024M bersamaan awal tahun 1446H mencatatkan rekod tertinggi jumlah

penerbitannya dengan bilangan sebanyak 6 buah makalah. Hal tersebut menandakan telah berlakunya trend kecenderungan minat dalam kalangan penyelidik untuk menjalankan penelitian berkaitan topik kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam.

Rajah 3 Corak Trend Kreativiti Sainifik Berasaskan Perspektif Islam



4.2 Jurnal yang Berasaskan Perspektif Islam

Berdasarkan data yang diterbitkan dalam Al-Tamaddun, terdapat 6 artikel berkaitan kreativiti saintifik pada tahun 2024M berbanding dengan 2 artikel pada tahun 1446H berkaitan jurnal pada tahun 2025.

Jadual 3 Keterangan Berhubung dengan Sumber yang Paling Banyak Penerbitan

Kriteria	Keterangan
Sumber Penerbitan	Journal of Al-Tamaddun
Tahun Penerbitan	2024M/ awal tahun 1446H
Nama Pengarang	Zhanabergenova, Dinara & Kairbekov, Nurtan
Tajuk Artikel	Absattar Haji Derbisali and the Importance of His Works for the Development of Islamic Studies in Kazakhstan
Bilangan Sitasi	2

Faktor dampak yang baik merupakan antara faktor yang memainkan peranan sebagai jurnal paling banyak terbitan yang menjadi pilihan dalam kalangan penyelidik. Walau bagaimanapun, dapat difahami bahawa setakat ini penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam masih berada di tahap yang sangat rendah disebabkan masih belum mempunyai jurnal yang menjadi sasaran penerbitan berkaitannya dalam kalangan penyelidik.

4.3.3 Artikel Teratas Paling Kerap Disitasi

Jadual 4 menunjukkan artikel yang paling kerap disitasi berhubung penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Kedudukan pertama di tangga teratas ialah artikel berjudul 'Patterns of Character Education for Vocational School Students through Non-Academic Programs: Paradigm and Implementation' yang ditulis oleh Amilda et al. (2023) telah disitasi sebanyak 6 kali. Setelah itu, pada kedudukan tangga kedua dengan 3 sitasi ialah artikel bertajuk 'The Role of Jordanian Universities in Meeting the Requirements of Developing Students' Creative and Innovative Skills' dengan pengarangnya ialah al-Salti et al. (2024) manakala yang ketiga teratas pula dengan jumlah sitasi sebanyak 3 kali ialah artikel berjudul 'Challenges In Applying Standard Methodology For Research In Islamic Economics And Finance And The Way Forward' daripada Ascarya dan Masrifah (2021). Artikel-artikel tersebut menerangkan mengenai potensi pemupukkan kreativiti saintifik menerusi aktiviti yang bukan berbentuk akademik dan membangunkan kemahiran berkeanaannya dalam kalangan pelajar serta melihatnya menurut perspektif aplikasi dalam disiplin ekonomi Islam.




Jadual 4 3 Artikel Teratas Paling Kerap Disitasi berkaitan Kreativiti Sainifik Berasaskan Perspektif Islam

Kedudukan	Sumber Penerbitan	Pengarang (Tahun)	Tajuk Artikel	Jumlah Sitasi
1	International Journal of Learning, Teaching and Educational Research	Amilda; Bujuri, Dian Andesta; Uyun, Muhammad; Nasrudin, Dindin; Junaidah (2023)	Patterns of Character Education for Vocational School Students through Non-Academic Programs: Paradigm and Implementation	6
2	Dirasat: Human and Social Sciences	Al-Salti, Mahmoud Jamil; Al-Tarwaneh, Mohammad; Al-Kassab, Ali; Al-Wadi, Bilal; Al Beddawi, Khader (2024)	The Role of Jordanian Universities in Meeting the Requirements of Developing Students' Creative and Innovative Skills	3
3	Teaching and Research Methods for Islamic Economics and Finance	Ascarya, A.; Masrifah, Atika R. (2021)	Challenges In Applying Standard Methodology For Research In Islamic Economics and Finance and The Way Forward	3

4.4 3 Negara Teratas dengan Bilangan Penerbitan Artikel Terbanyak


Rajah 4 menunjukkan tiga negara teratas yang paling banyak melakukan penerbitan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dalam julat tempoh masa 30 tahun tersebut iaitu Indonesia, Kazakhstan dan Malaysia. Tambahan itu, Indonesia merupakan negara bagi kewarganegaraan penulis pertama kepada artikel yang paling banyak disitasi. Oleh yang demikian, berdasarkan situasi tersebut memberi kefahaman bahawa negara di bahagian Timur lebih berminat dan cenderung untuk memberi penumpuan terhadap penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam berbanding negara bahagian Barat. Perbandingan tersebut boleh dilihat daripada data berhubung kreativiti saintifik lazim yang menjadi topik penumpuan bagi mereka yang sangat tinggi ditemui dalam platform carian data Scopus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Namun begitu, terdapat dua organisasi yang menyumbangkan dana penyelidikan terhadap kajian berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Pertama, Gerda Henkel Foundation manakala kedua ialah Kazan Federal University. Sesuatu yang menarik ialah Gerda Henkel Foundation adalah berpusat di negara German yang merupakan bahagian negara bahagian Barat.



Rajah 4 Negara-negara Teratas dengan Bilangan Penerbitan Artikel Terbanyak

4.5 Pengarang Prolifik Yang Hasilkan Bilangan Penerbitan Terbanyak

Rajah 5 menunjukkan artikel berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam yang paling banyak diterbitkan oleh pengarang prolifik. Tiada pengarang prolifik setakat pertengahan tahun 2025M bersamaan hujung tahun 1446H kerana semua pengarang memiliki bilangan penerbitan yang sama iaitu hanya satu penerbitan. Hal tersebut menandakan bahawa lapangan kajian berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam masih belum ada lagi penyelidik yang berpengaruh setakat ini.




Rajah 5 Penerbitan Artikel Tertinggi Oleh Pengarang Prolifik

4.6 Kata Kunci Popular

Fokus bahagian ini adalah untuk memahami trend berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam. Maka, analisis terhadap penggunaan kata kunci popular yang paling kerap menerusi pendekatan keberlakuan bersama (co-occurrence) dijalankan dengan bantuan aplikasi perisian VOSviewer. Pemilihan VOSViewer pada bahagian kajian ini disebabkan penggunaannya dilihat sesuai untuk ulasan pemetaan dan juga merupakan salah satu perisian bibliometrik yang menawarkan kejelasan yang baik dalam pemetaan visual dan mampu mencipta rangkaian visualisasi yang boleh digunakan oleh penyelidik secara langsung (Zhang et al., 2024; Mohamed Sa'dom et al., 2023). Maka, tetapannya (setting) seperti berikut: bilangan kata kunci keberlakuan bersama (1), item (15), tautan (72) dan jumlah kekuatan tautan (8) menghasilkan Rajah 6. Rajah 6 menunjukkan penggunaan kata kunci popular yang paling kerap adalah sains (science, N=2), berfikir (thinking, N=1), intelek (intellect, N=1) dan saintis Muslim (muslim scientist, N=1). Berasaskan pemetaan visual dalam Rajah 6 menjelaskan bahawa saiz nod ialah kekerapan berlakunya kata kunci

itu manakala garisan ialah hubungan antara kata kunci tersebut. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa rata-rata penyelidik hanya memberikan perhatian yang minimum terhadap kajian berkaitan kreativiti saintifik berteraskan Islam.



Rajah 6 Taburan Penggunaan Kata Kunci Popular dalam Kajian Berkaitan Kreativiti Sainifik Berteraskan Islam

Jadual 5 menghimpunkan senarai kata kunci yang terdapat seperti dalam Rajah 6 kepada dua kategori. Kategori pertama termasuk sains, teknologi, ketamadunan berteraskan Islam dan saintis Muslim. Kata kunci tersebut adalah dikaitkan dengan suasana pendidikan. Kategori kedua pula termasuk tuhan, ayat, Qur'an, intelek, berfikir, hikmah, manusia, alam semesta dan persepsi rasa. Kata kunci tersebut adalah dikaitkan dengan kebolehpayaan aqal berlandaskan bimbingan wahyu. Konklusinya, kedua-dua kategori tersebut menggariskan potensi isu kajian yang boleh diberi perhatian untuk pertimbangan penyelidikan akan datang.

Jadual 5 Kategori Berdasarkan Himpunan Senarai Kata Kunci Popular Berkaitan Kreativiti Sainifik Berasaskan Perspektif Islam

Bilangan	Kategori 1	Kategori 2
1.	Sains	Tuhan
2.	Teknologi	Ayat
3.	Ketamadunan Berteraskan Islam	Qur'an
4.	Saintis Muslim	Intelek,
5.		Berfikir
6.		Hikmah
7.		Manusia
8.		Alam Semesta
9.		Persepsi Rasa

Oleh demikian, kata kunci popular tersebut dapat membantu penyelidik meneroka dan menganalisis trend penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam dan juga boleh mengetahui dengan mempelajari tentang isu yang biasa berlegar serta menjadi tumpuan penyelidik berkaitan topik tersebut.

4.7 Tema Utama Kreativiti Sainifik Berasaskan Perspektif Islam

Berdasarkan Jadual 5 dan Rajah 6 dapat dirumuskan bahawa topik utama kajian yang dibincangkan berkenaan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam mempunyai dua tema utama. Pertama, kreativiti saintik berasaskan perspektif Islam dan pendidikan sains manakala kedua, aplikasi daya aqal dan landasan wahyu. Namun demikian, penemuan kedua-dua tema tersebut mempamerkan bahawa

kajian berhubung kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam sangat terhad dan trend perkembangannya masih belum meluas liputan penerokaan kajian mengenainya dijalankan sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Maka, diharap dengan mengetahui dan memahami tema utama berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam tersebut berupaya menginspirasi minat komuniti penyelidik bagi topik berkenaan untuk memacu trend pertumbuhan dengan lebih berkesan dan baik lagi. Contohnya, memfokus kepada kreativiti ilmiah berteraskan Islam agar usaha berfikir itu mendapat redha Allahﷻ.

5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, hasil penelitian yang telah dijalankan berdasarkan pendekatan ulasan pemetaan dengan carian platform data Scopus dari awal tahun 1416H hingga akhir tahun 1446H bersamaan pertengahan tahun 1995M hingga pertengahan tahun 2025M berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam jelas menunjukkan bahawa trend perkembangan penyelidikan masih lagi terhad tertutamanya dalam aspek penerbitan.

Di samping itu, bantuan penggunaan perisian VOSviewer dan Word Cloud dalam penganalisan tersebut turut menjelaskan lagi kajian berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam masih berada pada tahap yang rendah dan belum lagi mendapat liputan perhatian yang meluas daripada kalangan para penyelidik.

Oleh demikian, berdasarkan penelusuran rintisan awal kajian ini diharap dapat merangka trajektori untuk meningkatkan kekurangan sumber penerbitan yang membincangkan berkaitan kreativiti saintifik berasaskan perspektif Islam pada masa hadapan. Dalam masa yang sama juga para penyelidik seperti pihak tenaga pengajar di institusi pendidikan, guru-guru malah pustakawan boleh memanfaatkan maklumat berdasarkan kajian ini untuk meneliti agenda penyelidikan lanjutan mereka sendiri dan menyumbang kepada kemajuan berterusan dalam bidang masing-masing tersebut, InshaAllah.

6.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Kedua-dua penulis mengisytiharkan bahawa tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan kewangan, penyelidikan mahupun penerbitan ini.

7.0 PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua penilai tanpa nama atas komentar membina mereka terhadap penambahbaikan penyelidikan ini.

8.0 SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama menyumbang terhadap pembangunan konsep kajian, menjalankan penganalisan data berdasarkan metodologi kajian dan menulis makalah manakala penulis kedua menyumbang terhadap pemerolehan dana pembiayaan dan mengedit teks.

9.0 RUJUKAN

- Acut, D., Fernandez, S. M., Madelo, P. K., Lu Suico, R. A., Cane, J. F., Magsayo, J., Capuyan, M., & Siew, N. M. (2024). Thinking What No One Else Has Thought: Investigating the Scientific Creativity of Primary School Students in a Science Class. *Center for Educational Policy Studies Journal*. <https://doi.org/10.26529/cepsj.1514>
- Al-Qur'an (t.t.). *Mushaf al-Madinah Arab Saudi*. Madinah: Mujamma' al-Malik al-Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Syarif.
- al-Salti, M. J., Altarwaneh, M., Al-Kassab, A., Al-Wadi, B., Al Beddawi, K. & Beddawi, A. (2024). The Role of Jordanian Universities in Meeting the Requirements of Developing Students' Creative and Innovative Skills. *Dirasat: Human and Social Sciences*, 51(5). <https://doi.org/10.35516/hum.v51i5.4>
- Amilda, Bujuri, D. A., Uyun, M., Nasrudin, D. & Junaidah (2023). Patterns of Character Education for Vocational School Students through Non-Academic Programs: Paradigm and Implementation. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(4):459-477. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.4.25>
- Amiruddin, M. Z., Samsudin, A., Suhandi, A., Coştu, B., & Prahani, B. K. (2025). Scientific Mapping and Trend of Conceptual Change: A Bibliometric Analysis. *Social Sciences and Humanities Open*, 11. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.101208>
- Ascarya, A., & Masrifah, A. R. (2021). Challenges in Applying Standard Methodology for Research in Islamic Economics and Finance and The Way Forward. *Teaching and Research Methods for Islamic Economics and Finance*, 1(1):327-348. DOI:[10.4324/9781003252764-25](https://doi.org/10.4324/9781003252764-25)
- Chen, H. E., Sun, D., Hsu, T. C., Yang, Y., & Sun, J. (2023). Visualising trends in computational thinking research from 2012 to 2021: A bibliometric analysis. *Thinking Skills and Creativity*, 47. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2022.101224>
- Craig, M. H., Kleinschmidt, I., Nawn, J. B., Le Sueur, D., & Sharp, B. L. (2004). Exploring 30 Years of Malaria Case Data in KwaZulu-Natal, South Africa: Part I. The Impact of Climatic Factors. *Tropical Medicine and International Health*, 9(12):1247-1257. <https://doi.org/10.1111/j.1365-3156.2004.01340.x>
- Echchakoui, S. (2020). Why and how to merge Scopus and Web of Science during bibliometric analysis: the case of sales force literature from 1912 to 2019. *Journal of Marketing Analytics*, 8(3):165-184. <https://doi.org/10.1057/s41270-020-00081-9>
- Ferreira, N. C. & Ferreira, J. J. (2025). The field of resource-based view research: mapping past, present and future trends. *Management Decision*, 63(4):1124-1153. doi: <https://doi.org/10.1108/MD-10-2023-1908>
- Kamus Dewan. (1996). *Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khalil, H. & Tricco, A. C. (2022). Differentiating Between Mapping Reviews and Scoping Reviews in The Evidence Synthesis Ecosystem. *Journal of Clinical Epidemiology*, 149:175-182. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2022.05.012>
- Mazov, N. A., Gureev, V. N., & Glinskikh, V. N. (2020). The Methodological Basis of Defining Research Trends and Fronts. *Scientific and Technical Information Processing*, 47(4):221-231. <https://doi.org/10.3103/S0147688220040036>
- Mohamed Sa'dom, N. Z., & Mat Yusoff, S. H. (2023). Unveiling the landscape of social media marketing in social science studies: A bibliometric analysis using VosViewer and Biblioshiny. *International Journal of Innovation and Business Startegy*, 91-108. <https://doi.org/10.11113/ijibs.v18.146>
- Mohd Nathir, K. A., Othman, M. S., Mustapha, N. F., Muhammad, W., & Wan Sulong, W. M. (2020). *Pola Kajian Hari Kiamat: Sorotan 30 Tahun Literatur Secara*



- Sistematik (1998-2018). UMRAN, 7(1).
<http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran>
- Nasir, K., Hasan, I., Mat Ali, M. A., Mahadzir, A. H., & Mohd Zabidi, A. Z. (2023). Penulisan dan kajian berkaitan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015): Analisis bibliometrik sepanjang tiga dasawarsa. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(1):1014–1026.
<https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i1.349>
- O'Cathain, A., Thomas, K. J., Drabble, S. J., Rudolph, A. & Hewison, J. (2013). What can qualitative research do for randomized controlled trials? A systematic mapping review. *BMJ Open*. 3:1-15. <http://doi:10.1136/bmjopen-2013-002889>
- Ohly, S. (2018). Promoting Creativity at Work - Implications for Scientific Creativity. *European Review*, 26(1):91–99. <https://doi.org/10.1017/S1062798717000576>
- Prahani, B. K., Rizki, I. A., Suprpto, N., Irwanto, I., & Kurtuluş, M. A. (2024). Mapping Research on Scientific Creativity: A Bibliometric Review of The Literature In The Last 20 Years. *Thinking Skills and Creativity*, 52.
<https://doi.org/10.1016/j.tsc.2024.101495>
- Salleh, M. S. (2003). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Zebra Edition Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Stumpf, H. (1995). Scientific Creativity: A Short Overview. In *Educational Psychology Review*, 7(3).
- The Future of Jobs Report. (2020). World Economic Forum.
- The Future of Jobs Report. (2023). World Economic Forum.
- The Future of Jobs Report. (2025). World Economic Forum.
<https://www.weforum.org/reports/the-future-of-jobs-report-2025/>
- Wiyanto, Saptono, S., & Hidayah, I. (2020). Scientific Creativity: A literature Review. *Journal of Physics: Conference Series*, 1567(2). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1567/2/022044>
- Zainudin, S. A., Hassan, S. A., & Khairuldin, W. M. K. F. W. (2024). Systematic Literature Review of the Research Design Based on Fatwa Methods. *International Journal of Islamic Thought*, 25:136–151. <https://doi.org/10.24035/ijit.25.2024.292>
- Zhang, J., Quoquab, F., & Mohammad, J. (2024). Plastic and sustainability: a bibliometric analysis using VOSviewer and CiteSpace. *Arab Gulf Journal of Scientific Research*, Emerald Publishing, 42(1):44–67.
<https://doi.org/10.1108/AGJSR-10-2022-0225>